




# Ambil mudah punca utama kemalangan

*Manusia, persekitaran  
serta kenderaan faktor  
penyumbang kecelakaan*



**S**eperti sudah menjadi sumpahan di negara ini, setiap kali menjelang musim perayaan, kadar kemalangan jalan raya akan meningkat, sekali gus kadar kematian juga turut bertambah.

Lebih menyedihkan, kemalangan maut itu mengorbankan banyak nyawa sekali gus.

Jika tidak mati, mangsa kemalangan mengalami cedera parah, koma atau hilang anggota badan. Itulah realitinya.

Boleh dikatakan pertambahan kes kemalangan setiap kali menjelang musim perayaan sudah menjadi lumrah dan tidak dapat dielakkan lagi walaupun pelbagai usaha seperti kempen serta peringkuat kuasa dilaksanakan untuk mengurangkannya.



### Tiga faktor utama kemalangan

Memang terdapat banyak faktor mengapa berlaku kemalangan jalan raya sehingga menyebabkan kematian tetapi secara umumnya, tiga punca utama ialah faktor manusia, persekitaran dan kenderaan.

Perkara itu disahkan Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (PPKJR), Fakulti Kejuruteraan (FK) Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Hussain Hamid (**gambar**) menerusi kajiananya kajian lebih 60 peratus punca kemalangan adalah disebabkan faktor manusia.

Faktor manusia itu merangkumi aspek sikap dan amalan ketika memandu seperti cuai, leka, memandu secara melulu, terburu-buru dan tidak mematuhi peraturan lalu lintas ketika memandu.

Namun begitu, antara penyumbang utama berlakunya kemalangan menerusi sikap cuai ini ialah mengambil mudah aspek asas pemanduan seperti memandu terlalu perlahan sama ada di jalan biasa atau lebuh raya dan tidak menghidupkan lampu isyarat memblok sama ada keluar atau masuk simpang, ketika hendak memotong kenderaan atau hendak mengubah laju.

Boleh dikatakan, cara pemanduan seperti itu sudah menjadi satu gaya atau amalan pemanduan hari ini.

#### Sikap sambil lewa pemandu

Sikap pemandu yang tidak menghidupkan lampu isyarat memblok ketika memandu kini sudah menjadi kebiasaan atau trend tanpa mengira siapa mereka dan jenis kenderaan yang dipandu.

Jika ada yang menghidupkannya pun kadang kala tidak kena pada masa, tempat dan jarak seperti yang sepatutnya. Ada pemandu yang menghidupkannya apabila sudah hendak memasuki simpang atau hendak menukar lorong pemanduan sehingga menyusahkan pemandu lain.

“Sikap cuai seperti ini walaupun dilihat sebagai isu kecil, tetapi ia adalah penyebab utama berlakunya kemalangan.

“Perlu diingat, lampu isyarat memblok bukan satu aksesori yang suka-suka dipasang pada kenderaan oleh pengeluar, tetapi ia satu piawai yang ditetapkan antarabangsa. Jangan catatkan kenderaan dengan cara pemanduan kita yang cuai,” kata Hamid.

Mengikut hukum lalu lintas, lampu

isyarat memblok adalah satu bentuk komunikasi antara pemandu dengan pemandu lain.

Seseorang pemandu kenderaan tidak boleh membaca fikiran pemandu lain ke mana dia hendak pergi atau tuju melainkan dengan menghidupkan lampu isyarat memblok.

Hussain yang juga Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Awam FK turut mengakui pemandu kini mengalami sindrom yang agak pelik iaitu gemar memandu kenderaan terlalu perlahan sama ada di jalan biasa atau lebuh raya sehingga mengganggu pemandu lain.

#### Memandu terlalu perlahan

Apa yang dimaksudkan memandu terlalu perlahan ialah memandu di sekitar 40 hingga 60 kilometer sejam (km/j) di jalan biasa dan kurang daripada 80 km/j di lebuh raya.

Sikap memandu seperti ini boleh disifatkan sebagai menjengkelkan kerana ia bukan saja meningkatkan risiko kemalangan, malah menyusahkan pemandu lain.

“Tindakan memandu terlalu perlahan hanya meningkatkan risiko kemalangan kenderaan mereka dilanggar dari belakang terutama jika memandu di lebuh raya.

“Ada pemandu yang menyangka kononnya dengan memandu perlahan mereka sebenarnya berdisiplin atau boleh mengurangkan risiko kemalangan, tetapi sebenarnya mereka sedang mengundang padah,” katanya sambil menegaskan memandu melebihi had laju juga lebih berisiko.

#### Kelajuan sesuai

Beliau menjelaskan tahap kelajuan selesa bagi memandu di lebuh raya adalah antara 90 hingga 110 km/j manakala di jalan biasa pula ber�antung kepada keadaan jalan, had laju ditetapkan dan keadaan persekutaran.

Namun katanya, pemandu perlu peka dan sentiasa bersiap sedia ketika memandu untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

“Pemandu perlu faham dan terima hakikat jalan raya adalah kemudahan yang dikongsi bersama pengguna lain, maka kita perlu hormat hak pemandu lain dan tidak mementingkan diri,” katanya.

Hussain turut menyuarakan kebimbangannya kemungkinan kadar kematian atau kecederaan akibat kemalangan jalan raya meningkat disebabkan trend pemandu hari ini yang membeli kenderaan pelbagai guna (MPV) dan menjadikannya sebagai kenderaan utama untuk membawa keluarga berjalan.

“MPV mampu membawa lebih ramai penumpang dan muatan, maka jika kenderaan ini terbabit kemalangan, risiko berlaku kematian dan kecederaan dalam angka yang ramai juga tinggi.

“Harap-harap, pemandu MPV perlu lebih menyedari yang cara pemanduan dan pengendalian kenderaan jenis itu sedikit berbeza dengan memandu kereta sedan,” katanya.

#### Emel ke

Anda boleh berkongsi pendapat di [rencanabh@bharian.com.my](mailto:rencanabh@bharian.com.my)